



# Akta Pengambilalihan Tanah 2016 dilulus

**KUALA LUMPUR 24 Mei** - Dewan Rakyat hari ini meluluskan Rang Undang-Undang Akta Pengambilalihan Tanah (Pindaan) 2016 yang memberi tumpuan kepada dua perkara iaitu kompetitif di peringkat global dan kesejahteraan rakyat.

Rang undang-undang itu bagi menggantikan Akta Pengambilalihan Tanah 1960 dengan 43 fasal pindaan.

Seramai 22 ahli Dewan Rakyat membahaskan pelbagai isu membabitkan rang undang-undang berkenaan sejak semalam.

Terdahulu, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, undang-undang ini adalah prosedur untuk merealisasikan pelan negara supaya menjadi lebih kompetitif dan tidak melupakan kesejahteraan rakyat.

Katanya, sebagai sebuah negara dagangan, Malaysia mesti menggalakkan kompetitif tersebut.

"Setelah meneliti perbahasan sejak semalam, kerajaan mendapati tiap-tiap orang berhak daripada harta yang diwarisi mereka.

"Semua pewaris perlu menukarkan tandatangan dan bersetuju dengan penjualan hartanah mereka," katanya sewaktu menggulung sesi perbahasan Rang Undang-Un-

dang Akta Pengambilalihan Tanah 2016 di Dewan Rakyat hari ini.

Menjawab soalan **Dr. Noor Azmi Ghazali (BN-Bagan Serai)** sama ada *ex-gratia* perlu dibayar kepada penduduk setinggan sekiranya tanah yang diduduki diambil alih, kata Wan Junaidi, hal itu terulang kepada budi bicara kerajaan.

Jelasnya, jika *ex-gratia* diberi kepada penduduk setinggan, itu boleh membawa maksud kerajaan mengiktiraf kedudukan mereka di sesuatu tempat.

Mengenai penduduk setinggan di Cameron Highlands, Wan Junaidi menjawab, peneroka yang hanya penduduk asal dan warganegara Malaysia sahaja layak dan boleh memohon pemilikan tanah di kawasan itu.

Jelasnya, penduduk setinggan tersebut merupakan peneroka berskala besar yang menjalankan aktiviti tanaman sejak turun-temurun.

"Menteri Besar di negeri terlibat tengah memproses permohonan pemilikan tanah yang dibuat oleh peneroka-peneroka ini.

"Kerajaan tidak melihat sama ada peneroka-peneroka itu adalah dari kaum Melayu, Cina, India dan lain-lain, selagi mereka adalah warganegara," ujarnya.